

3 projek penyelidikan cemerlang di Archimedes 2011

Oleh: MOHAMAD ILZAM JAMAT



Buat julung kalinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menghantar penyertaan ke pameran dan pertandingan penyelidikan terbesar di Rusia iaitu 14th Moscow International Salon of Invention & Innovation Technologies (Archimedes) 2011 yang lalu.

Pameran ini telah berlangsung pada 5 hingga 9 April 2011 bertempat di Sokolniki Eco Center Moscow.

UMP merupakan satu satunya wakil dari Malaysia dan juga penyertaan sulung agensi dari Malaysia ke pameran penyelidikan ini.

Penyertaan Profesor Madya Dr. Ahmed N. Abd Alla dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dengan penyelidikan bertajuk 'A GSM Based Smart Energy Detective System for Monitoring of Real Time Power Consumption' yang menggunakan *Smart Meter* iaitu meter elektrik yang telah dicipta khas bagi merekod kadar penggunaan elektrik yang telah digunakan dan pengguna juga boleh menyemak bil elektrik pada bila-bila masa yang dikehendaki.



Keistimewaan yang ada pada penyelidikan ini telah menarik minat panel juri di sana dan dinobatkan sebagai penerima anugerah kategori *Top Notch Award*.

Manakala penyertaan Dr. Rizalman Mamat dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan projek penyelidikan bertajuk '*Design of A Smart LPG Furnace*' pula telah dianugerahkan pingat emas.

Penyelidikan ini telah berjaya menghasilkan relau pelebur logam bukan ferrous seperti tembaga dan aluminium dengan mempunyai ciri-ciri nilai tambah yang lebih baik berbanding relau yang sedia ada di pasaran.

Selain itu, penyelidikan bertajuk '*Development of A Membrane Anaerobic System (MAS) in Treating Of Slaughter House Wastewater*' pula, berkisar tentang merawat air kumbahan dari rumah penyembelihan dengan cara yang selamat dan jimat telah dihasilkan oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) iaitu Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dianugerahkan pingat gangsa.